

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK (PDS)



Pelanggan yang Dihormati,

Helaiian Maklumat Produk (PDS) ini menyediakan maklumat utama mengenai pembiayaan kenderaan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga digalakkan untuk membacanya.**

TARIKH: _____

1. APAKAH PEMBIAYAAN BERJANGKA KENDERAAN MURABAHAH-i

Ini adalah pembiayaan berjangka patuh Syariah bagi pembelian kenderaan penumpang yang baharu/dibaik pulih terpakai dengan pelan pembiayaan **kadar tetap**.

Kontrak Syariah yang digunakan adalah **Murabahah, iaitu kontrak jualan** dengan pendedahan kos pembelian dan margin keuntungan kepada pembeli ("Pelanggan"). Di bawah urus niaga ini, apabila menerima Akujanji untuk Membeli daripada Pelanggan, Bank akan melantik Pelanggan sebagai ejen untuk membeli kenderaan daripada penjual/pengedar bagi pihak Bank. Seterusnya, setelah selesai pembelian kenderaan tersebut, Bank akan menjual dan Pelanggan akan membeli kenderaan tersebut pada Harga Jualan Bank.

2. KENALI TANGGUNGJAWAB ANDA

Contoh tanggungjawab pelanggan adalah seperti berikut:

Jumlah Pembiayaan: RM50,000.00 Tempoh: 9 tahun Kadar: 5.89%

	KADAR TETAP
Bayaran Bulanan	RM598.00 untuk tempoh 107 bulan dan bayaran akhir pada harga RM551.69
Jumlah bayaran bulanan sepanjang tempoh pembiayaan	RM64,537.69
Kadar Keuntungan Efektif	5.89% setahun
Kadar Keuntungan Siling	10%
Harga Jualan Bank	RM76,024.91





Jadual ini untuk tujuan contoh sahaja.

Nota: Keuntungan Bank dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Siling seperti di atas. Walau bagaimanapun, bayaran Harga Jualan Bank akan berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif

FIDAN CAJ

FI STANDARD	RM
Surat Tawaran (LO)	10 ¹
Surat Jaminan (jika ada)	10 ¹
Perjanjian Kemudahan (FA)	10 ¹
Surat Kuasa Wakil (PA)	10 ¹
Pengesahan dan Pendaftaran Surat Kuasa Wakil (PA) di Mahkamah Tinggi	100 ²
Caj e-Hakmilik	3.24 ³

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:

-  Membaca dan fahami terma utama dalam kontrak sebelum anda menandatangani
-  Membayar ansuran bulanan anda tepat pada masanya
-  Menghubungi kami segera jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda
-  Memaklumkan kami jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat perhubungan pelanggan

Nota: 1. Mengikut Akta Setem 1949 (Disemak 1989)

2. Fi standard oleh peguam cara

3. Fi standard oleh pihak ketiga, contoh: Financial Information Services Sdn. Bhd

3. KENALI RISIKO ANDA

a. Caj Bayaran Lewat (CBL)

Caj Bayaran Lewat (CBL)	<p>i. <u>Ansuran Tertunggak atau Pembayaran Berjadual</u> Sekiranya berlaku kegagalan untuk membayar sebarang ansuran atau sebarang pembayaran berjadual daripada tarikh pengeluaran pertama Kemudahan sehingga tarikh matang atau tamat tempohnya, jumlah CBL sebanyak satu peratus (1%) setahun ke atas jumlah tertunggak akan dikenakan, atau mengikut kelulusan Bank Negara Malaysia (BNM).</p> <p>ii. <u>Apabila Tarikh Matang atau Penghakiman, Yang Mana Lebih Awal</u> Sekiranya jumlah tertunggak tidak dibayar selepas tarikh matang Kemudahan atau selepas penghakiman mahkamah (mana-mana yang terdahulu), CBL akan dikenakan berdasarkan kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam Semalaman (IIMM) ke atas baki tertunggak, atau mengikut kaedah yang diluluskan oleh BNM.</p> <p>Sebagaimana CBL yang dikenakan, jumlah CBL tidak akan dikompaun.</p>
Tindakan Undang-undang	<p>i. Dengan kuasa yang diberikan melalui Surat Kuasa Wakil dan dokumen sekuriti, kami selaku pembiaya dan wakil yang diberi kuasa boleh mengambil semula, menjual atau melupuskan kenderaan bagi tujuan mendapatkan semula jumlah tertunggak di bawah kemudahan tersebut.</p> <p>ii. Selain itu, tindakan undang-undang lain juga boleh diambil terhadap anda bagi mendapatkan semula jumlah tertunggak di bawah kemudahan tersebut. Ini akan menjejaskan rekod kredit anda.</p>

b. Pengambilan semula akan terjadi apabila mana-mana daripada keadaan berikut berlaku: -

- i. Dua kegagalan berturut-turut membayar ansuran bulanan
- ii. Kegagalan membayar ansuran terakhir
- iii. Empat kegagalan berturut-turut membayar ansuran bulanan oleh waris sekiranya pelanggan telah meninggal dunia.




4. TERMA UTAMA LAIN



Anda disyorkan untuk mengambil perlindungan Takaful daripada pengendali Takaful kami atau pengendali Takaful lain yang diluluskan oleh pihak kami. Perkara-perkara berikut perlu diambil kira semasa mendapatkan perlindungan Takaful:

- i. Skim/pelan Takaful harus menjadi pilihan pertama anda untuk perlindungan kenderaan
- ii. Anda boleh mendapatkan insurans konvensional untuk melindungi kenderaan di dalam keadaan berikut:
 - a. Jika tiada perlindungan Takaful yang ditawarkan atau tersedia di pasaran untuk kenderaan tersebut; atau
 - b. permohonan anda bagi perlindungan Takaful untuk kenderaan ditolak oleh semua pengendali Takaful; atau
 - c. kos perlindungan insurans jauh lebih kompetitif berbanding dengan kos perlindungan Takaful.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai produk ini, anda boleh:

Maybank Islamic		
		
Hubungi kami di: 03-2297 2000 Ext: 2304/2316/2203	Layari kami di: https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/loans/hire_purchase/mvtf-i.page	Emel kepada norfadzilah@maybank.com norazidah.y@maybank.com mohdzulkarnaenaffendi@maybank.com

PENGAKUAN PELANGGAN

Saya mengakui telah membaca dan memahami kandungan Helaian Maklumat Produk (PDS) ini.

Tandatangan :

Nama :